

11/11/2003

PM perlukan kawan bukan pembodek

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau perlukan kawan dan pembantu, bukannya pembodek, iaitu kawan yang membawa rebah kerana tidak ikhlas dan sebab itu beliau mahukan maklumat yang benar, bukan cerita elok-elok belaka.

Perdana Menteri berkata, setiap pegawai juga mesti memberi maklumat tepat kepada menteri, ketua setiausaha kementerian atau ketua pengarah jabatan kerana maklumat yang tidak betul akan mengundang malapetaka.

"Saya perlu memastikan maklumat yang diberikan kepada saya itu tepat dan betul. Kalau maklumat tak betul, maka tindak balas saya tentulah sekali tak betul. Ini merugikan dan boleh menyebabkan keadaan kelam kabut.

"Tetapi kalau kawan-kawan kata saja dia ni sokong saya, dia ni bersama saya, tetapi semua cakap tak betul, lebih suka memuji, ini tak kena. Macam ini tidak membawa kepada kebaikan, terutama dalam konteks apa saya perlu lakukan.

"Kita mahu kawan, kita mahu pembantu, kita mahu penolong, bukan pembodek. Ini adalah kawan-kawan yang berupa sokong membawa rebah. Jadi, dia tidak begitu ikhlas dalam hal-hal memberi maklumat, khabar dan sebagainya," katanya dalam rancangan Bersama Perdana Menteri yang disiarkan TV1 pada jam 10 malam tadi.

Rancangan selama 35 minit itu dihoskan oleh Penolong Pengawal Berita TV RTM, Monshi Abdullah, selaku pengantara dengan ahli panelnya Pengarang Kumpulan Berita Harian, Hishamuddin Aun.

Ini adalah kali pertama Abdullah memberi temu ramah kepada media massa sejak menyandang jawatan Perdana Menteri 31 Oktober lalu. Rakaman rancangan itu diadakan di pejabat Perdana Menteri di Tingkat Lima, Kompleks Perdana Putra di sini, petang semalam.

Abdullah juga berkata beliau sedar orang membuat perbandingan caranya dengan pendekatan Tun Dr Mahathir Mohamad sehingga ada yang tersasul menyebut bahawa 'Perdana Menteri adalah Dr Mahathir' atau sebaliknya, dengan begitu sinonim sekali.

Perdana Menteri baru itu bagaimanapun berkata, beliau tidak kisah dengan perkara sedemikian dan memang wujud gaya kepemimpinan yang berbeza, tetapi matlamatnya tetap sama iaitu demi masa depan bangsa dan negara.

Abdullah mengakui orang ramai membuat perbandingan sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri ke-5 daripada Dr Mahathir 31 Oktober lalu dan perkara itu tidak dapat dielakkan.

"Dr Mahathir sendiri mengakui apabila menyatakan bahawa Pak Lah dengan beliau tentu berlainan stail... takkan sama stail, tetapi matlamat tetap sama iaitu demi masa depan bangsa dan negara.

"Itu yang lebih baik, yang lebih cemerlang. Itu komitmen kita, komitmen Dr Mahathir, komitmen saya dan komitmen semua rakyat Malaysia. Jadi kita bekerjasama ke arah itu," katanya.

Beliau berkata, setelah memimpin negara selama 22 tahun, kebanyakan rakyat hanya mengenali Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga nama Dr Mahathir dan Perdana Menteri begitu sinonim.

"Saya masa balik ke Pulau Pinang baru-baru ini, menggunakan pesawat Perdana 1. Saya kata, itu Perdana Menteri punya tetapi pegawai saya kata Pak Lah adalah Perdana Menteri sekarang ini.

"Tersasul macam ini tidak boleh dielak. Orang mula bercakap itu cara Dr Mahathir, itulah cara PM. Jadi kalau ada PM baru macam saya ini, ah apa pula cara Pak Lah. Tetapi kalau saya sudah nak buat sesuatu, nak mula

sesuatu, orang dapat faham, demikian orang pula kata ini cara Pak Lah," katanya.

Mengenai bidang kehakiman tempatan, Abdullah berkata dalam pertemuannya dengan pegawai kanan badan itu pada majlis berbuka puasa baru-baru ini, mereka berazam mahu mengubah imej daripada dicop sebagai 'tidak bebas'.

"Satu perkara yang mereka kata kepada saya, saya cukup seronok dengar itu ialah 'cubalah Pak Lah sekali-sekala sebutkan kepada orang bahawa kami (hakim) ini adalah bebas,'" katanya.

Katanya, selama ini bidang kehakiman dipandang serong apabila membuat sesuatu keputusan di mahkamah kononnya memihak kepada kerajaan semata-mata disebabkan penghakiman itu tidak memihak kepada satu kumpulan lain.

Abdullah juga menganggap hubungan baik dengan negara jiran amat penting meskipun masing-masing ada masalah tersendiri kerana membabitkan isu dua hala termasuk dengan Malaysia.

"Yang penting saya perlu berusaha bersungguh-sungguh supaya apa juga masalah dua hala dengan negara jiran, diselesaikan. Saya pegang kepada satu prinsip - prinsip saya ialah dengan jiran kita mesti berkawan dan mesti ada hubungan yang baik.

"Jiran yang baik itu pada saya adalah sama penting, boleh jadi lebih penting lagi daripada sahabat yang jauh, yang duduk sebelah dunia. Jiran itu amat penting untuk keselamatan rantau kita ini," katanya.

Mengenai usaha mengurus kejayaan yang ditinggalkan Dr Mahathir, beliau berkata memang menjadi hasratnya untuk melihat misalnya dalam ekonomi dengan pertumbuhan yang lebih baik pada masa akan datang.

Abdullah bagaimanapun berpuas hati dengan liputan media massa dalam tempoh beberapa hari lalu sejak menyandang jawatan Perdana Menteri sehingga ada yang memberi markah 'lulus ujian awal pada minggu pertama'.

Katanya, respon rakyat terhadap pelbagai pendekatannya sejak 10 hari lalu amat baik dan ia juga bermakna mereka menyokong tindakan yang diambil dalam usaha memperbaiki segala kelemahan.

"Harapan saya ialah akan ada juga kerjasama bukan setakat bagi sokongan secara cakap saja, lepas itu lain tak mahu membantu... itu tak seronok kan?. Buatlah kerja, adakan program untuk membantu sesuatu gagasan," katanya.

Abdullah juga mahu kerjasama cara berpasukan berdasarkan falsafah 'kerja dengan saya'.

Dalam temu ramah itu, Abdullah turut menceritakan mengenai masa bersama ahli keluarganya, anak-anak, golf iaitu sukan yang amat diminati selain isu berkaitan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) serta harapan dunia kepadanya.